

Jawatankuasa pantau aktiviti ambil pasir

PUTRAJAYA 1 Nov. - Majlis Sumber Air Negara yang bermesyuarat hari ini bersetuju mewujudkan satu jawatankuasa bagi memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti pengambilan pasir sungai terutama di kawasan tebatan banjir.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam kenyataan di sini berkata, ini bagi mengelak kerajaan Persekutuan berbelanja besar untuk membaik pulih morfologi sungai yang rosak akibat aktiviti pengambilan pasir.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan turut dihadiri Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas; menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri.

Menurut kenyataan itu, semua kerajaan negeri juga telah mengambil maklum mengenai masalah pencemaran eutrofikasi di tasik dan empangan yang dikesan menerusi kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

Sementara itu, sebanyak tujuh kertas makluman dibentangkan dalam mesyuarat tersebut membabitkan kerjasama dalam isu banjir, penyebaran amaran banjir, manual saluran mesra alam dan penggunaan larutan garam sebagai alternatif kepada gas klorin dalam rawatan air.